

KONSEP KEPEMIMPINAN ISLAM

The Concept of Islamic Leadership

Ahmed Abdul Malik
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Email: ahmeda.malek@usim.edu.my

Abstrak

Islam adalah satu cara hidup yang lengkap dan sempurna untuk umat manusia. Untuk melaksanakan cara hidup ini, manusia memerlukan satu organisasi masyarakat yang tersusun, kokoh dan berwibawa berdasarkan kepada ajaran yang telah ditentukan oleh Allah dan RasulNya. Lapisan organisasi masyarakat manusia yang tertinggi ialah kerajaan atau pemerintah. Ini kerana pemerintah mempunyai kuasa politik untuk memastikan semua kegiatan sosio-ekonomi dalam masyarakat dapat dilaksanakan dengan teratur berdasarkan kepada prinsip dan dasar yang telah ditentukan. Apabila anggota masyarakat mematuhi dan melaksanakan segala prinsip dan dasar yang ditetapkan oleh pemerintah, maka akan terwujud satu negara yang stabil, maju dan berjaya. Apabila pemerintah itu menentukan prinsip dan dasar yang dikehendaki oleh Islam, maka pemerintah tersebut dinamakan pemerintah atau kerajaan Islam atau dan negara yang dihasilkan adalah negara Islam. Kemuncak kepada kerajaan Islam ini ialah khalifah, Imam atau ketua negara. Wujudnya konsep khalifah dalam Tamadun Islam sudah cukup menggambarkan betapa pentingnya aspek kepimpinan dalam tamadun manusia. Di dalam Al-Quran dijelaskan bahawa manusia ditugaskan sebagai khalifah untuk membangunkan dunia dan seluruh isinya. Sementara selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w, para sahabat dan umat islam ketika itu melantik saidina Abu Bakar As-Siddiq sebagai khalifah Islam yang pertama diikuti dengan perlantikan saidina Umar Al-Khattab, saidina Uthman Al-Affan dan saidina Ali Abi Talib. Pembentukan kerajaan Islam Umayyah, Abbasiyah dan Uthmaniyah selepas itu, sememangnya selaras dengan tuntutan konsep Khalifah.

Kata Kunci : Kepemimpinan Islam, konsep khalifah, Tamadun Islam, kerajaan Islam, Umat Islam.

PENDAHULUAN

Islam adalah satu cara hidup (Way of life) yang lengkap dan sempurna untuk umat manusia. Untuk melaksanakan cara hidup ini, manusia memerlukan satu organisasi masyarakat yang tersusun, kokoh dan berwibawa berdasarkan kepada ajaran yang telah ditentukan oleh Allah dan RasulNya. Lapisan organisasi masyarakat manusia yang tertinggi ialah kerajaan atau pemerintah. Ini kerana pemerintah mempunyai kuasa politik untuk memastikan semua kegiatan sosio-ekonomi dalam masyarakat dapat dilaksanakan dengan teratur berdasarkan kepada prinsip dan dasar yang telah ditentukan. Apabila anggota masyarakat mematuhi dan melaksanakan segala prinsip dan dasar yang ditetapkan oleh pemerintah, maka akan terwujud satu negara yang stabil, maju dan berjaya. Apabila pemerintah itu menentukan prinsip dan dasar yang dikehendaki oleh Islam, maka pemerintah tersebut dinamakan pemerintah atau kerajaan Islam atau dan negara yang dihasilkan adalah negara Islam. Kemuncak kepada kerajaan Islam ini ialah khalifah, Imam atau ketua negara.

Menurut Hardja Sapoetra (2010) Dalam Al-Qur'an banyak dijumpai istilah-istilah kepemimpinan antara lain: Amir, Khalifah, Imamah dsb. Hal ini berarti Islam telah lebih dahulu mengetahui dan menetapkan asas-asas kepemimpinan jauh sebelum para ilmuan-ilmuan Barat membahasnya. Namun, berbagai teori yang digambarkan para ahli mengenai kepemimpinan tak jarang membuat orang tidak memahami akan arti sebenarnya tentang kepemimpinan dalam Islam. Sehingga pemimpin masa kini, tak jarang telah lari dari arti kepemimpinan dalam Islam.

Wujudnya konsep khalifah dalam Tamadun Islam sudah cukup menggambarkan betapa pentingnya aspek kepimpinan dalam tamadun manusia. Di dalam Al-Quran dijelaskan bahawa manusia ditugaskan sebagai khalifah untuk membangunkan dunia dan seluruh isinya. Sementara selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w, para sahabat dan umat islam ketika itu melantik saidina Abu Bakar As-Siddiq sebagai khalifah Islam yang pertama diikuti dengan perantikan saidina Umar Al-Khattab, saidina Uthman Al-Affan dan saidina Ali Abi Talib. Pembentukan kerajaan Islam Umayyah, Abbasiyah dan Uthmaniyah selepas itu, sememangnya selaras dengan tuntutan konsep Khalifah.

Kepemimpinan adalah suatu seni. Untuk itu pemimpin perlu mengenal watak orang-orang yang dipimpinnya. Dari situlah dia dapat memainkan seni kepemimpinan dengan mengadakan pendekatan-pendekatan tertentu secara individu dan secara kelompok; mengetahui bahawa sikap manusia itu berpunca daripada kepentingan diri. Maka apabila pemimpin pandai memainkan seninya, menyentuh kepentingan orang-orang yang dipimpinnya, dia akan mendapat reaksi yang baik (Az-Zuhaili, Wahbah. 1996).

Dalam hal kepemimpinan, Islam membawakan contoh kepemimpinan Nabi Muhammad s.a.w. Itulah yang sebenarnya kepemimpinan Islam; pada diri Nabi s.a.w. terdapat contoh teladan yang baik dalam segala hal kehidupan manusia.

Makalah ini akan cuba melihat konsep kepimpinan Islam serta tanggungjawab para pemimpin seperti yang dibincangkan oleh para sejarawan dan ilmuwan Islam. Melalui objektif tersebut, makalah ini dapat menyumbang kepada pemikiran semula konsep kepemimpinan etika berteraskan perspektif Islam.

PENGERTIAN KEPEMIMPINAN MENURUT ISLAM

Kepemimpinan menurut Nurulkhalish Majid (2003) adalah proses mempengaruhi atau memberi contoh oleh pemimpin kepada pengikutnya dalam upaya mencapai tujuan organisasi.

Kepemimpinan adalah seni kehidupan sosial yang sebenarnya tidak bisa terlepas dari kehidupan manusia, itu dikarenakan manusia adalah makhluk sosial yang selalu hidup berkelompok, bersama-sama serta saling berhubungan satu sama lain dengan demikian maka perlu adanya kepemimpinan. Seperti didunia bisnis dan didunia lain pendidikan. Pemerintahan negara adalah seorang pemimpin sangat menentukan dari tercapainya kesuksesan dan efisiensi kerja. Pemimpin yang baik adalah pemimpin yang mampu membawa lembaga/organisasi kepada sasaran dalam jangka waktu yang ditentukan.

Abdur Rosyid (2014) berpendapat Kepemimpinan itu wajib dan harus diperjuangkan, baik secara syar'i ataupun secara 'aqli. Adapun secara syar'i misalnya tersirat dari firman Allah tentang doa orang-orang yang selamat:

“Dan jadikanlah kami sebagai imam (pemimpin) bagi orang-orang yang bertaqwa” (Al-Qur'an. Al-Furqan 25: 74).

Demikian pula firman Allah: *“Taatlal kalian kepada Allah dan taatlal kalian kepada Rasul dan para ulul amri diantara kalian”* (Al-Qur'an. An-Nisa'4 : 59).

Rasulullah (saw) bersabda dalam sebuah hadits yang sangat terkenal : *“Setiap dari kalian adalah pemimpin, dan setiap dari kalian akan ditanya tentang kepemimpinannya”*. Terdapat pula sebuah hadits yang menyatakan wajibnya menunjuk seorang pemimpin perjalanan diantara tiga orang yang melakukan suatu perjalanan. Adapun secara 'aqli, suatu tatanan tanpa kepemimpinan pasti akan rusak dan porak poranda.

Islam sangat memeperhatikan seni kepemimpinan, dalam tulisan Ahmad bin Ismail (2011) Islam adalah 'al-din' iaitu agama yang merangkumi bukan sahaja ibadat khusus, tetapi ia juga suatu sistem hidup yang merangkumi bidang-bidang lain seperti muamalat, sistem sosial dan sistem politik. Lantaran itu, konsep kepimpinan juga menjadi tajuk yang diperbincangkan oleh para ulama', sejarawan dan ilmuwan-ilmuwan Islam dari dahulu hingga sekarang. Ia diperbincangkan di bawah tajuk 'imamah', 'khalifah' dan tajuk-tajuk lain seumpamanya. Islam menganggap setiap seorang Muslim yang mukallaf sebagai pemimpin. Sekurangnya mereka adalah pemimpin bagi diri mereka, dan keluarga mereka. Dengan sebab seseorang itu dianggap pemimpin bagi dirinya, beliau tidak boleh mencampakkan dirinya dalam kemusnahan atau dalam bahaya (Az-Zuhaili, Wahbah. 1996).

Tetapi tumpuan kita ini adalah kepemimpinan kepada masyarakat umum. Dalam hal ini Rasulullah saw ada bersabda yang maksudnya:

“Jika tiga orang keluar bermusafir, maka hendaklah salah seorang dari mereka di lantik menjadi ketua.”

Kalau bagi kumpulan tiga orang pun perlu dilantik seorang ketua, apa lagi keperluan bagi satu kaum, bangsa, Negara dan Umat ini. Keperluan ketua atau pemimpin ini adalah jelas, iaitu untuk menjalankan syariat Allah di muka bumi ini, terutama suruhan-suruhan yang berkaitan dengan tugas penguasa, juga untuk memberi pengarah, menjaga kebajikan dan keselamatan mereka, mengatur penggunaan sumber, menjalankan usaha untuk kemaslahatan ramai, dan mengelak dari berlakunya pertelingkahan antara mereka.

Di samping itu, jika kita melihat kepada tanggungjawabnya, kita perlu mengambil perhatian kepada peringatan Rasulullah saw, di mana Baginda ada bersabda yang maksudnya ialah:

“Setiap kamu adalah pengembala dan setiap pengembala akan ditanya tentang pengembalaannya. Seorang pemimpin adalah pengembala dan beliau akan ditanya tentang rakyatnya, seorang lelaki (suami) adalah pemimpin keluarganya, dan beliau akan ditanya tentang anggota keluarganya, seorang wanita adalah pemimpin di rumah suaminya, dan beliau akan ditanya tentang kepimpinannya, pembantu rumah adalah pemimpin (penjaga) harta-benda tuannya, dan beliau akan ditanya tentang keselamatan harta-benda tersebut.”

Pada prinsipnya, walaupun seseorang itu dianggap pemimpin, mereka tetap tertakluk kepada sifat-sifat mahmudah seperti yang dikehendaki bagi setiap orang Muslim, seperti sifat amanah, ikhlas, jujur, tekun, dedikasi, rajin, suka beribadat, suka beribadat waktu malam, belas kasihan, suka tolong menolong, suka berderma, bekerjasama, nasihat menasihati dan pada umumnya menjalankan tugas amr makruf nahi mungkar. Sebaliknya pula beliau hendaklah meninggalkan sifat-sifat buruk seperti nifaq, suka melakukan atau merela orang melakukan perbuatan maksiat dan sifat-sifat lain yang dibenci oleh Syara'. Di samping itu, beliau dipertanggungjawabkan bagi setiap perlakuan dan perbuatannya sebagai pemimpin.

KEPEMIMPINAN ADALAH SUNNATULLAH

Menurut Hardja Sapoetra (2010) Kepemimpinan dalam Islam merupakan Sunnatullah / ketetapan dari Allah SWT. Hal ini termaktub dalam Al-Qur'an:

Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi." Mereka berkata: "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui." (Al-Qur'an. Al-Baqarah: 30).

Kemudian dalil dari Al-Hadis : “Ketahuilah bahwa setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggung jawab atas kepemimpinannya. Setiap kepala negara adalah pemimpin dan ia bertanggung jawab atas kepemimpinannya (rakyat). Seorang perempuan/ibu adalah pemimpin dalam rumah tangga suaminya dan anak-anaknya; ia bertanggung atas kepemimpinannya. Seorang pelayan/hamba sahaya adalah pemimpin atas harta tuannya dan ia bertanggung jawab atas kepemimpinannya. Ketahuilah bahwa setiap kamu adalah pemimpin dan masing-masing mempertanggungjawabkan atas kepemimpinannya.” (HR. Bukhori, Muslim, Ahmad, Abu Dawud, Tirmidzi dari Ibnu Umar). Melalui dua dalil ini dapat kita pahami bahwasanya kepemimpinan adalah suatu ketetapan dari Allah SWT yang keberadaannya tidak mungkin ditawar lagi. Adanya kepemimpinan dalam Islam di dunia ini merupakan suatu keharusan yang mutlak.

DALIL IJMA' SAHABAT

Sebagai sumber hukum Islam ketiga, Ijma' Sahabat menunjukkan bahwa mengangkat seorang Khalifah sebagai pemimpin pengganti Rasulullah SAW hukumnya wajib. Mereka telah sepakat mengangkat Khalifah Abu Bakar, Umar bin Khathtab, Utsman bin Affan, dan Ali bin Abi Thalib, ridwanullah 'alaih(Az-Zuhaili, Wahbah. 1996).

Ijma' Sahabat yang menekankan pentingnya pengangkatan Khalifah, nampak jelas dalam kejadian bahawa mereka menunda kewajiban menguburkan jenazah Rasulullah SAW dan mendahulukan pengangkatan seorang

Khalifah pengganti beliau. Padahal menguburkan mayat secepatnya adalah suatu kewajiban dan diharamkan atas orang-orang yang wajib menyiapkan pemakaman jenazah untuk melakukan kesibukan lain sebelum jenazah dikuburkan. Namun, para Sahabat yang wajib menyiapkan pemakaman jenazah Rasulullah SAW ternyata sebagian di antaranya justru lebih mendahulukan usaha-usaha untuk mengangkat Khalifah daripada menguburkan jenazah Rasulullah. Sedangkan sebagian Sahabat lain mendiadakan kesibukan mengangkat Khalifah tersebut, dan ikut pula bersama-sama menunda kewajiban menguburkan jenazah Nabi SAW sampai dua malam, padahal mereka mampu mengingkari hal ini dan mampu menguburkan jenazah Nabi secepatnya. Fakta ini menunjukkan adanya kesepakatan (ijma') mereka untuk segera melaksanakan kewajiban mengangkat Khalifah daripada menguburkan jenazah. Hal itu tak mungkin terjadi kecuali jika status hukum mengangkat seorang Khalifah adalah lebih wajib daripada menguburkan jenazah.

Demikian pula bahawa seluruh Sahabat selama hidup mereka telah bersepakat mengenai kewajiban mengangkat Khalifah. Walaupun sering muncul perbedaan pendapat mengenai siapa yang tepat untuk dipilih dan diangkat menjadi Khalifah, namun mereka tidak pernah berselisih pendapat sedikit pun mengenai wajibnya mengangkat seorang Khalifah, baik ketika wafatnya Rasulullah SAW maupun ketika pergantian masing-masing Khalifah yang empat. Oleh karena itu Ijma' Sahabat merupakan dalil yang jelas dan kuat mengenai kewajiban mengangkat Khalifah.

DALIL DARI KAEDAH SYARI'AH

Ditilik dari analisis usul fiqh, mengangkat Khalifah juga wajib. Dalam usul fiqh dikenal kaedah syar'iyah yang disepakati para ulama:

"*Sesuatu kewajiban yang tidak sempurna kecuali adanya sesuatu, maka sesuatu itu wajib pula keberadaannya.*" Menerapkan hukum-hukum yang berasal dari Allah SWT dalam segala aspeknya adalah wajib. Sementara hal ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna tanpa adanya kekuasaan Islam yang dipimpin oleh seorang Khalifah. Maka dari itu, berdasarkan kaedah syar'iyah tadi, eksistensi Khilafah hukumnya menjadi wajib (Az-Zuhaili, Wahbah. 1996).

Jelaslah, berbagai sumber hukum Islam tadi menunjukkan bahwa menegakkan Daulah Khilafah merupakan kewajiban dari Allah SWT atas seluruh kaum muslimin.

PENDAPAT PARA ULAMA

Seluruh imam mazhab dan para mujtahid besar tanpa kecuali telah bersepakat bulat akan wajibnya Khilafah (atau Imamah) ini. Syaikh Abdurrahman Al Jaziri menegaskan hal ini dalam kitabnya *Al Fiqh 'Ala Al Madzahib Al Arba'ah*, jilid V, hal. 416:

"Para imam mazhab (Abu Hanifah, Malik, Syafi'i, dan Ahmad) --rahimahumullah-- telah sepakat bahwa Imamah (Khilafah) itu wajib adanya, dan bahawa ummat Islam wajib mempunyai seorang imam (khalifah,) yang akan meninggikan syiar-syiar agama serta menolong orang-orang yang tertindas dari yang menindasnya..."

Tidak hanya kalangan Ahlus Sunnah saja yang mewajibkan Khilafah, bahkan seluruh kalangan Ahlus Sunnah dan Syiah (termasuk Khawarij dan Mu'tazilah) tanpa kecuali bersepakat tentang wajibnya mengangkat seorang Khalifah. Kalau pun ada segelintir orang yang tidak mewajibkan Khilafah, maka pendapatnya itu tidak perlu dianggap, karena bertentangan dengan nas-nas syara' yang telah jelas.

Imam Asy-Syaukani dalam *Nailul Authar* jilid 8 hal. 265 menyatakan: "Menurut golongan Syiah, minoritas Mu'tazilah, dan Asy A'riyah, (Khilafah) adalah wajib menurut syara'." Ibnu Hazm dalam *Al Fashl fil Milal Wal Ahwa' Wan Nihal* juz 4 hal. 87 mengatakan: "Telah sepakat seluruh Ahlus Sunnah, seluruh Murji'ah, seluruh Syi'ah, dan seluruh Khawarij, mengenai wajibnya Imamah (Khilafah)."

BEBERAPA PENDAPAT PEMIKIR ISLAM MENGENAI KEPEMIMPINAN ISLAM

1. **Al Farabiy** (lahir sekitar tahun 259 H) menulis antaranya ialah kitab berjudul '*al-Madinah al-Fadilah*' (Kota Unggul) dan '*al-Qa'id al-Fa'al* (Sifat-Sifat Pemimpin berkesan) yang mana beliau menekankan kualiti

kepimpinan utama di-‘Kota Unggul’nya seharusnya merupakan orang yang terbaik berasaskan sejumlah sifat-sifat kepimpinan, baik sifat-sifat yang tabii mahupun sifat-sifat yang di pelajari.

2. **Al-Mawardi** (lahir 394 H) menulis beberapa kitab yang masyhur dalam bidang politik dan kepimpinan, antaranya ialah *al Ahkam al-Sultaniyyah*. Beliau dikatakan bermaksud memberikan nasihat agar pemerintah mentadbir dan mengurus Negara berdasarkan petunjuk-petunjuk al-Quran dan al-Sunnah. Beliau menyentuh pelbagai aspek mengenai imamah hingga ia menjadi suatu sistem politik yang mantap. Antara perkara yang beliau sentuh ialah:

i. Pemerintah mestilah memenuhi tujuh syarat iaitu:

- a) keadilan (adalah),
- b) ilmu pengetahuan Agama yang mantap,
- c) kesihatan jasmani,
- d) kesihatan mental,
- e) keberanian,
- f) kesanggupan menjalankan jihad terhadap musuh-musuh Negara,
- g) keturunan Quraish.

ii. Pemilihan Khalifah hendaklah dibuat oleh beberapa orang juru pilih sebagaimana yang berlaku dalam pemilihan Abu Bakar dan Uthman. Mereka ini dikenali sebagai ‘*ahl al hall wal ‘aqd*’. Pemilihan juga boleh dibuat oleh Khalifah yang sedia ada, tetapi dengan syarat calon itu hendaklah dari mereka yang paling sesuai dan tidak semestinya datang dari keluarga khalifah itu sendiri. Dalam kedua-dua sistem ini, perantaraan itu menjadi sah apabila berlaku bai’ah iaitu perjanjian antara khalifah dan rakyatnya.

iii. Jawatan khalifah boleh dilucutkan sekiranya ternyata ia tidak lagi mempunyai kesihatan mental dan fizikal yang baik atau tidak lagi mempunyai kebebasan bergerak dan bertindak.

iv. Khalifah hendaklah dilantik dengan kerelaan dan kemahuan rakyat Muslimin. Ini membolehkan beliau menjalankan tugas dengan selesa tanpa dihantui oleh ketakutan terhadap kemungkinan penentangan rakyat.

v. Tanggungjawab utama seseorang Khalifah atau Imam itu ialah untuk memelihara keutuhan ‘akidah Agama Allah, dan mengajar mereka akan ajaran Agama seperti firman Allah Surah al-Baqarah ayat 151 iaitu:

Maksudnya: “*(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan mengajarkan kamu kandungan Kitab (al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.*”

Ayat ini menyatakan tugas utusan Allah adalah untuk memberikan pengajaran dan pendidikan kepada umatnya. Ia mengisyaratkan pemimpin juga mempunyai tugas untuk mengajar masyarakat ajaran-ajaran Agama yang unggul.

vi. Tugas bagi menyelenggarakan kesejahteraan sosial juga menjadi tanggungjawab pemimpin. Tugas ini mempunyai kaitan dengan keperluan material. Beliau perlu memastikan polisi Negeranya mampu untuk mempertingkatkan produktiviti Negeranya dan membawa kesejahteraan kepada rakyatnya.

vii. Beliau juga menyarankan penstrukturan pentadbiran berperingkat, untuk Wilayah-Wilayah Islam yang begitu luas. Sejauh mana kuasa otonomi yang diberikan kepada Kerajaan-Kerajaan tempatan itu tertakluk kepada budi bicara Kerajaan Pusat berasaskan kepentingan dan keperluan.

viii. Beliau juga perlu memelihara dan mengembangkan keharmonian masyarakat dan keamanan Negara. Perkara ini berkait rapat dengan prinsip amar makruf nahi mungkar.

ix. Al-Mawardi merumuskan tugas pemimpin dapat dikategorikan sebagai tugas Agama dan tugas politik. Beliau mengaitkan tugas ini melalui takrifan siasah iaitu untuk memelihara Agama dan mentadbir urusan dunia dengan Agama. Tugas-tugas agama ialah:

- a) Memelihara Agama iaitu melaksanakan hukum-hukumnya, mencegah pelanggaran hukum serta menghukum orang yang melanggarnya,
- b) Tugas dakwah melalui usaha dakwah yang terancang dan berkesan,

- c) Mengumpul dan mengagihkan harta Kerajaan baik dalam bentuk harta rampasan dan sedekah *al-fa'i dan al-ghana'im*
- d) Melakukan upacara agama dan menggalakkan Syi'arnya. Tugas ini termasuklah menguruskan keketapan Hari Raya, menyediakan kemudahan haji dsbnya.

Manakala tugas politik pula ialah:

- a) Pemeliharaan keamanan dan undang-undang. Ini termasuk melindungi Negara dan memeliharanya dari perkara haram supaya orang ramai dapat hidup dengan aman dan harmoni dalam Negara.
- b) Mempertahankan Negara daripada ancaman luar. Tugas ini termasuk mempersiapkan kekuatan tentera dan memastikan tidak berlaku pencerobohan terhadap Negara atau mana-mana jajahan takluknya,
- c) Penyeliaan urusan awam. Khalifah menurut al-Mawardi hendaklah prihatin dengan kehidupan semasa rakyatnya dan jentera Kerajaan,
- d) Menegakkan keadilan di antara manusia,
- e) Pentadbiran harta iaitu merangka pemberian dan keperluan dari baitulmal dengan bijak,
- f) Perlantikan penjawat awam. Secara moralnya khalifah perlu memastikan perlantikan tersebut sesuai dengan kelayakan dan kemampuan mereka.

x. Senarai di atas adalah merupakan contoh tentang tanggungjawab seseorang Khalifah atau pemimpin sesebuah Negara. Tugas-tugas ini mempunyai hubungkait yang rapat di antara satu sama lain dan menunjukkan sifat penyatuan yang jitu di antara agama dengan politik, sesuai dengan pandangan hidup Islam, kerana kesemuanya wujud dalam kerangka siasah syar'iyah bagi mencapai kebahagiaan ummah berdasarkan syarat:

- a) Tidak bertentangan dengan nas al-Quran, al-Sunnah, Ijma', dan qias
- b) Menyesuaikan pentadbiran dengan roh syariat dan tujuan umumnya,
- c) Dapat memastikan kepentingan umum terpelihara dengan lebih baik.

3. **Al-Ghazaliy** (1058-1111M) seorang tokoh ilmuwan ensiklopedik yang sangat prolifik dengan karya-karya tulisannya, antara lain telah menulis kitab, *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Mulk*, yang antara lain telah menggariskan tugas khalifah atau pemimpin sebagai berikut:

- i. Perlunya para pemimpin menyedari peri pentingnya jawatan yang disandang dan beratnya tanggungjawab yang dipikul,
- ii. Galakan kepada para pemimpin agar menjalin hubungan dengan golongan ilmuwan,
- iii. Para pemimpin dan pengikutnya dituntut agar menghindarkan kezaliman,
- iv. Para pemimpin dituntut supaya tidak angkuh dan tidak menindas rakyat,
- v. Para pemimpin harus memahami pendirian pihak-pihak lain dengan cuba meletakkan diri dalam posisi mereka. Maksudnya jika ia tidak suka sesuatu terjadi kepada dirinya, maka janganlah ia merelakan ia terjadi kepada orang lain,
- vi. Para pemimpin harus segera melayani keperluan orang lain,
- vii. Para pemimpin dinasihatkan agar tidak tenggelam dalam keserakahan nafsu sehingga mengabaikan tanggungjawab,
- viii. Mereka dinasihatkan agar bersikap penyayang kepada rakyatnya,
- ix. Mereka juga diminta memberikan kepuasan kepada rakyat dalam batas-batas yang ditentukan Syara',
- x. Seterusnya mereka diperingatkan supaya jangan mencari dokongan seseorang dengan cara yang bertentangan dengan Syara'.

4. **Ibn Khaldun**, lahir tahun 732 H (1332 – 1395 M) adalah orang pertama memberikan perspektif sosial kepada pentadbiran dan pengurusan. Karya beliau yang amat terkenal dalam bidang pengurusan ialah *Muqaddimah* yang membahaskan berbagai dimensi tamadun manusia. Beliau membahaskan tamadun kota, tamadun badawi, tentang manusia primitif, tentang organisasi-organisasi pentadbiran seperti Kerajaan, kekhalifahan, kesultanan, wilayah, negeri dan daerah.

Beliau juga membicarakan tentang sistem pemerintahan berkhalifah (al-khalifah) dan sistem beraja (al-mulk). Antara pendapatnya yang dirakamkan ke hari ini ialah pendapatnya bahawa melantik imam atau ketua itu adalah wajib, yang kewajibannya di ketahui dari agama dengan ijma' para Sahabat dan Tabi'in kerana para Sahabat

Rasulullah saw, ketika Baginda wafat, segera melantik dan membai'ah Abu Bakar dan menyerahkan kepadanya untuk mengatur urusan mereka. Demikian juga pada era seterusnya. Umat Islam tidak boleh ditinggalkan dalam keadaan kacau-bilau tanpa ketua atau pemimpin pada sesuatu masa. Maka dengan sebab inilah dikatakan ijma' menunjukkan wajibnya melantik imam atau ketua.

KONSEP KEPEMIMPINAN DALAM ISLAM

Hardja Sapoetra (2010) berpendapat, Konsep kepemimpinan adalah konsep yang dimiliki oleh Islam dalam memandang kepemimpinan. Kepemimpinan dalam Islam mencakup beberapa aspek :

1. Aspek Pengaruh

Dalam Islam, pemimpin yang tidak berpengaruh akan menyebabkan hilangnya kepercayaan ummat pada pemimpin tersebut. Bisa dicontohkan seperti Shahabat Rasulullah, Abu Bakar As-Shiddiq, Umar Ibn Khattab, dan lain-lain. Mereka memiliki pengaruh sangat besar dalam mewujudkan konsep kepemimpinan ditengah ummat Islam.

2. Aspek Kerohanian

Pemimpin dalam Islam, selain sebagai pemimpin ummat, ia juga bertindak sebagai pemimpin agama. Hal ini ditunjukkan langsung oleh pribadi Nabi Muhammad SAW, yang selain sebagai pemimpin masyarakat juga sebagai pemimpin agama. Kalau kita contohkan dalam kehidupan sekarang adalah Paus Benediktus XII, sebagai pemimpin Ummat Katolik.

3. Aspek Karakteristik

Aspek karakteristik merupakan salah satu aspek yang digunakan untuk menilai konsep kepemimpinan seseorang. Aspek ini meliputi karakter pemimpin, baik baik maupun buruk.

Menurut Ahmad Nizam Awang (2007) konsep pimpinan dalam Islam selain daripada memerhatikan ayat-ayat dan hadis-hadis yang lain, dalam semua peringkat dan golongan pimpinan merangkumi ketua negara, menteri, ulama' penghulu, guru-guru, da' ai, pemi.mpin masyarakat, pertubuhan, rumahtangga dan lain-lain. Kerana sumber pimpinan yang tertinggi ialah

1. Al-Qur'ān,
2. Al-sunnah
3. Ijtihād

perkara yang hendak disuburkan dari pimpinan itu ialah keadilan ilahi dan matlamatnya kesejahteraan di dunia dan di akhirat dengan mendapat keredhaan Allah (Sidi Gazalba. 1976). dan itulah yang dimaksud sabda Rasulullah s.a.w. "tiap-tiap kamu pengembala dan tiap pengembala bertanggungjawab terhadap apa yang digembala".

Secara umum, ada beberapa tipe kepemimpinan / Basic Leadership Style Hardja Sapoetra (2010):

1. Pemimpin adalah Direktur / DIRECTING.

Dalam tipe kepemimpinan ini, leader memberikan arahan-arahan dan mengawasi penyelesaian seluruh aktivitas secara dekat. Kepemimpinan directing adalah tipe kepemimpinan berkompentensi rendah namun berkomitmen tinggi. Konsep kepemimpinannya adalah menggunakan pola instruksi dengan sedikit support. Kepemimpinan seperti ini sering dipandang sebagai kepemimpinan semi diktator, namun tingkat keberhasilan pengaruh pemimpin sangat kuat.

2. Pemimpin adalah Pelatih / COACHING.

Pada tipe ini, leader disamping memberikan arahan dan mengawasi penyelesaian aktivitas, juga memberikan penjelasan cara mengambil sikap, memberikan usulan yg tepat dan mensupport setiap progress. Kepemimpinan ini memiliki tingkat kompetensi sedang, namun rendah komitmen. Banyak support pada bawahan, namun sedikit instruksi, dan menggunakan pola pendampingan. Pada tipe ini, pemimpin seringkali mudah untuk "diambil hatinya".

3. Pemimpin adalah Pendukung / SUPPORTING.

Pada tipe Supporting, leader memfasilitasi dan mensupport upaya anggotanya dalam menyelesaikan tugas serta melibatkan mereka dalam pengambilan keputusan. Tipe ini berkompotensi tinggi namun memiliki komitmen sedang. Banyak support sedikit instruksi dan pola pengembangannya adalah dukungan.

4. Pemimpin adalah Delegasi / DELEGATING.

Pada tipe delegasi, leader melakukan rotasi / pendelegasian tanggungjawab dalam pengambilan keputusan dan penyelesaian masalah. Memiliki kompetensi tinggi dan komitmen tinggi, sedikit support dan sedikit instruksi, dan pola pengembangannya adalah delegasi.

SYARAT-SYARAT MENJADI SEORANG PEMIMPIN ATAU KHALIFAH

Ahmad Nizam Awang (2007) menyatakan, Samada seorang itu menjadi amir, mufti, kadi (hakim) dikenal da'i atau seorang yang pada hari itu sebagai mehteri, wakil rakyat, penghulu dan lain-lain lagi, ia haruslah tertakluk kepada syarat-syarat asas lainnya daripada syarat khas dan am yang berkaitan dengan tugas dan jawatan masing-masing boleh dikatakan syarat-syarat asas itu telah ijma' ulama' al-wmcrach nengainnya. Diantaranya ialah:

1. Muslim, 'akil baligh dan laki-laki
2. Adil . Ertinya ia tidak fasik seumpama tidak meninggalkan salat beramal apa yang ia ketahui. Tidak menyalahi katanya akan perbuatannya. Tidak menyalahi akan kitab Allah dan sunnah Rasulullah s.a.w.
3. Berilmu dan Memahami Al-Qur'an dan Al-Sunnah. Ertinya ia mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan fardhu ai'n dan fardhu kifayah sehingga dapat membezakan diantara yang maaruf dan yang,munkar. Mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan pimpinan.
4. Mempunyai kudrat, kemampuan. Ertinya boleh bertindak bagi menyelesaikan sesuatu urusan samada menggunakan tenaga; perkataan, tulisan atau flikiran di dalam apa suasana pun.
5. Beradab mengikut akhlak Islam. Ertinya seseorang pemimpin haruslah mampu memberi contoh tauladan mengikut akhlak Islam kepada diri dan orang di bawah pimpinannya. Selain itu di dalam dirinya mengandungi sifat ikhlas, jujur tidak angkuh, ria' dan sebagainya. Ringkasnya terkumpul di dalam dirinya sifat-sifat terpuji dan jauh dari sifat-sifat terkeji.
6. Sempurna pancaindera dan sihat tubuh badan. Ciri terpenting dalam perjuangan dan pimpinan Islam Bagi meluaskan sedikit huraian syarat ketiga di atas maka seorang pemimpin yang menamakan dirinya sebagai barisan pemimpin Islam, tahap yang paling minima haruslah ia mampu membaca ayat Al-Qur'an dan petikan-petikan hadith serta memahami maksudnya. Lebih jauh dapat menghafal ayat-ayat dan hadith-hadith tersebut.

Lebih jauh lagi memahami (ilmu Al-Qur'an) dan ."Mustalahul Hadith". Membaca Siratul Rasul, sahabat-sahabat, salaful salihan,dan riwayat hidup ulama-ulama. Membaca dan mengenali kitab-kitab yang Muktabar di bidang Tauhid, Fikah, Tasauf, Tafsir, Hadith. Dapat memahami mana yang ijmak dan mana yang ikhtilaf, mana yang usul dam mana yang furu'. Berkaatan dengan ini sedapat mungkin haruslah seseorang pemimpin itu mengetahui bahasa arab, Kerana kitab-kitab yang original yang berkaitan dengan perkara tersebut kebanyakannya ditulis di dalam bahasa Arab. Akibat daripada tidak memahami dan mengetahui hal-hal tersebut, kadang-kadang boleh menimbulkan berbagai-bagai kesan yang tidak baik dalam pimpinan, hingga merebak kepada masysrakat yang lebih besar, yang boleh mencacatkan kesempurnaan Islam. Dalam menjalankan kepemimpinan, seorang leader atau pemimpin yang baik hendaknya memiliki empat keahlian khusus Hardja Sapoetra (2010), yaitu :

1. Interpreting, mampu menginterpretasikan atau memvisualisasikan suatu kondisi internal maupun external yang akan berdampak pada tim.
2. Shaping, mampu memberikan gambaran tentang visi dan strategi untuk memberikan arti kerja tim.

3. Mobilising, mampu memobilisasi para individu dalam tim dengan ide, kemampuan dan nilai masing-masing anggota yg berbeda untuk membangun sebuah tim.
4. Inspiring, mampu memberikan inspirasi kepada orang dalam mencapai hasil.

MASYARAKAT DI BAWAH KEPEMIMPINAN ISLAM

Masyarakat Islam adalah kelompok manusia dimana hidup terjaring kebudayaan Islam, yang diamalkan oleh kelompok itu sebagai kebudayaannya. Dalam artian kelompok itu bekerja sama dan hidup bersama berasaskan prinsip Al Qur'an dan Hadist dalam kehidupan(Sidi Gazalba. 1976: 126).

Masyarakat dalam pandangan Islam merupakan alat atau sarana untuk melaksanakan ajaran-ajaran Islam yang menyangkut kehidupan bersama. Karena itulah masyarakat harus menjadi dasar kerangka kehidupan duniawi bagi kesatuan dan kerja sama umat menuju adanya suatu pertumbuhan manusia yang mewujudkan persamaan dan keadilan (Kaelany.2000:175)

Masyarakat yang hidup di bawa kepemimpinan Islam adalah masyarakat Islam, masyarakat Islam tidak diukur dengan kuantitas, nama dan popularitas akan tetapi diukur dengan kualitasnya dan sejaumana mengamalkan syariat Allah dan ajaran-ajaran Islam yang lain.

Masyarakat Islam sebagaimana dijelaskan oleh Mohammad Hakiim B. Naseruddin (2009) ialah masyarakat yang beridentitikan agama, iman, akidah yakni berkeyakinan penuh kepada kebenaran Islam. Dengan akidah atau keyakinan seperti itulah mereka sanggup mengubah sejarah dan mengubah dunia. Mereka telah berhasil mengeluarkan umat manusia daripada kegelapan kepada cahaya terang. Mereka ialah masyarakat pejuang di jalan Allah SWT, berjiwa perjuangan dan kehidupannya penuh perjuangan. Masyarakat sedemikian juga mengembalikan semua urusannya kepada Allah, sebagaimana firmanNya dalam surah Ahzab ayat 36 yang bermaksud:

Maksudnya: "Dan tidaklah harus bagi orang beriman, lelaki dan perempuan, apabila Allah dan Rasul-Nya telah menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara(tidak harus bagi mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka."

Antara ciri khusus masyarakat Islam ialah menegakkan dan mewujudkan keadilan sebagai matlamat utama. Keadilan merupakan bukti keimanan. Seseorang tidak dinilai daripada banyaknya rukuk dan sujud, tetapi daripada buah ibadahnya yang dibuktikan dalam amalan, iaitu sejauh mana ia berpegang teguh kepada keadilan, mendahulukan dirinya, keluarganya dan kaum kerabatnya sebelum ia menerapkannya kepada orang lain dan kaum Muslimin umumnya. Masyarakat Islam juga ditegakkan atas dasar persaudaraan umat manusia. Di atas dasar itulah Islam menghapuskan sistem kasta yang merendahkan maruah dan kedudukan manusia(Sidi Gazalba. 1976).

Di samping itu, masyarakat Islam berdiri di atas landasan yang kuat dan teguh, iaitu kaedah saling tolong-menolong antara satu sama lain, hingga semua merasakan sama bertanggungjawab. Kaedah tersebut di gambarkan dalam berbagai-bagai peraturan, seperti peraturan zakat, *amar makruf nahi mungkar* dan lain-lain. Prinsip tolong-menolong dalam masyarakat Islam adalah wajib menjamin pendidikan rohani setiap orang, fikiran, perasaannya, akhlaknya, keperibadiannya dan perilaku sosialnya. Selain itu, ajaran Islam juga dapat menjadikan warga masyarakatnya sebagai keluarga dan dapat menciptakan kehidupan saling tolong-menolong antara warga masyarakatnya. Kehidupan masyarakat Islam yang saling tolong -menolong dijelaskan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Setiap kamu ialah pemimpin dan akan dipersoalkan(di pertanggungjawab) ke atas rakyatnya (mereka di bawah kepemimpinan kamu).

Masyarakat Islam adalah bebas daripada unsur-unsur perkauman dan taksub, masyarakat yang terbuka kepada seluruh manusia tanpa mengira keturunan dan warna kulit. Oleh itu, masyarakat Islam ialah masyarakat yang dimiliki oleh berbagai-bagai rumpun bangsa, warna kulit dan bahasa. Mereka sama-sama berhak dipelihara dan dilindungi oleh peraturan Islam dalam hidup bermasyarakat (Az-Zuhaili, Wahbah. 1996). Bahkan, hal ini

dijelaskan dalam Al-Quran: *Maksudnya: "Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan serta kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya berkenal-kenalan (beramah mesra anantara satu sama lain). Sesungguhnya, semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih sempurna di antara kamu bukan yang lebih keturunan atau bangsanya."*

Oleh yang demikian, ciri istimewa itu membolehkan ajaran Islam menjadi ajaran international, dan masyarakat Islam bukan masyarakat rasional dan bukan pula masyarakat kemazhaban, tetapi masyarakat yang tegak berdiri di atas landasan akidah ilahiah yang menumpukan perhatian besar kepada masalah akhlak, peningkatan jiwa dan martabat manusia terhadap Sang Pencipta (Az-Zuhaili, Wahbah. 1996).

Masyarakat Islam juga masyarakat yang tidak melakukan perbuatan keji dan tidak membiarkan kemungkinan terjadinya kekejian, masyarakat yang tidak membuka kesempatan bagi munculnya penyelewengan, kerosakan, munculnya golongan mengingkari Allah SWT, dan merupakan masyarakat yang tegas menyatakan hukuman, Allah berfirman dalam surah an-Nur ayat 19 yang bermaksud: *Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang suka menyebarkan kekejian dikalangan orang-orang beriman, mereka akan mendapat azab seksa yang tidak terperi sakitnya. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui."*

SYARIAT ISLAM SEBAGAI ASAS TAMADUN MASYARAKAT ISLAM

Syaria Islam merupakan modal utama yang dimiliki oleh masyarakat Islam dan ialah asas tamadun negaranya. Allah S.W.T. menggalakan agar umat manusia berusaha untuk mencapai kemajuan dalam semua aspek kejayaan dunia atau akhirat yang berlandaskan syariat Islam. Sebagai Khalifah yang dipertanggungjawabkan, manusia perlu melaksanakan tugasnya dengan penuh dedikasi dan juga beribadah kepada-Nya.

Islam telah memperkenalkan peraturan dan undang-undang yang sempurna dan lengkap bagi membantu manusia dalam hal tersebut. Ini bermaksud bahawa syariat yang dibawa oleh Rasulullah dapat membantu seluruh umat manusia bagi mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan juga akhirat (Sidi Gazalba. 1976).

Tiga perkara penting yang ditekankan dalam syariat Islam untuk mencapai kemajuan dalam membentuk tamadun dan keselamatan hidup di dunia ialah dalam aspek ekonomi, politik, dan sosial.

Penerapan dalam Kehidupan Sehari-hari

Sebagai masyarakat yang berlandaskan agama Islam, sudah seharusnya mengamalkan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan sehari-harinya. Begitu juga dengan tingkah laku sehari-hari harus mencerminkan perilaku seorang muslim.

a. Ukhuwah Islamiah. Ukhuwah Islamiah adalah persaudaraan dalam Islam. Islam adalah sebuah keluarga dan seluruh umat Islam merupakan saudara.

Allah SWT berfirman: *"Orang-orang beriman itu Sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat."* (Al-Qur'ān. Alhujurāt 49 : 10).

b. Tolong Menolong. Islam sangat memperhatikan sifat-sifat tolong-menolong dan persatuan. Karena masyarakat akan menjadi kokoh juga memperingan segala tanggung jawabnya. Laut adalah koleksi dari percikan-percikan air yang bersatu. Demikian juga gunung, adalah komponen dari zat-zat dan molekul-molekul yang terpadu. Allah berfirman: *"Tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa dan janganlah tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran"* (Al-Qur'ān. Almaidah 5:2).

c. Berlomba dalam Kebaikan. Tujuan hidup yang paling mulia adalah selalu berbuat kebaikan, agar meninggi sifat kemanusiaannya dan menyerupai malaikat serta berakhlak sesuai dengan sifat Allah yang pengasih dan penyayang kepada hamba-hambaNya.

Allah memerintahkan hamba-hambaNya agar berbuat kebaikan dan berlomba-lomba mengamalkannya. Allah berfirman : *"Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia menghadapNya. Maka berlomba-lombalah (dalam membuat) kebaikan. Dimana saja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan kamu sekalian (pada hari kiamat). Sesungguhnya Allah Maha kuasa atas tiap-tiap sesuatu"* (Al-Qur'ān. Al Baqoroh 2: 148).

d. Amar Ma'ruf Nahi Munkar . sesungguhnya amar ma'ruf nahi munkar merupakan bagian dari amal shalih yaitu sebagai realisasi kepedulian sosial. Akan tetapi ada ayat Al Qur'an yang secara khusus mengaitkan amar ma'ruf nahi munkar dengan kualitas manusia yaitu. Allah berfirman: "Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah."(Q.S.Ali Imron:110).

HAMBATAN-HAMBATAN

a. Sifat Egoisme

Apa yang akan terjadi bila kita egois menikmati kesenangan pribadi tanpa batas? Kita akan digantikan oleh generasi yang malang yang merupakan akibat dari egoisme dan kelalaian kita. Allah berfirman: "wahai orang-orang yang beriman! Barang siapa di antara kamu yang murtad (keluar) dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum, Dia mencintai mereka dan mereka pun mencintai –Nya dan bersikap lemah lembut terhadap orang-orang yang beriman, tetapi bersikap tegas terhadap orang-orang kafir..." (Al-Qur'an. Al-Ma'idah 5: 54).

b. Menonjolkan Ke Sukuan

Berpegang kepada tali Allah itu menghendaki agar dikesampingkan syahwat hawa nafsu yang ditimbulkan oleh kesukuan, kebangsaan, dan aliran. Kesukuan itulah yang mendorong dan menjatuhkan mereka ke dalam api perpecahan dan menjauhkan mereka dari jalan Allah. Islam tidak memperturutkan spekulasi teoritis mengenai asal-usul manusia, melainkan mempraktekkan prinsip-prinsipnya.hal. Abd Al-Aziz Kamal (1993: 103).

SOLUSI MENUJU MASYARAKAT IDEAL

a. Umat yang Bertaqwa. Taqwa adalah buah agama. Taqwa membawa kepada pendasaran pemikiran perasaan dan amal atas prinsip-prinsip yang digariskan Tuhan(Sidi Gazalba. 1976: 127) Taqwa merupakan ujung agama dan sekaligus pangkal kebudayaan.

b. Musyawarah dalam Berbagai Masalah. Cara musyawarah dapat dilakukan dengan melibatkan semua orang yang ada kaitannya dengan persoalan yang dimusyawarahkan. Dengan begitu masalah yang berat akan menjadi ringan. Segala keputusan dalam musyawarah menjadi tanggung jawab bersama. Jika hasil yang dicapai ternyata tidak sesuai dengan tujuan dan harapan, maka tidak ada salah satu pihak yang disalahkan, melainkan tanggung jawab semua (Sidi Gazalba, 1976). Allah berfirman : "Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah Lembut terhadap mereka. sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Karena itu ma'afkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu Telah membulatkan tekad, Maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya." (Al-Qur'an. Ali Imron 3:159).

c. Tidak Saling Menghina antara Sesama Allah (SWT) berfirman: "Hai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. Dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh jadi yang direndahkan itu lebih baik. Dan janganlah suka mencela dirimu sendiri dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan. Seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barangsiapa yang tidak bertobat, Maka mereka Itulah orang-orang yang zalim."(Al-Qur'an. Alhujurat 49:11)

d. Umat yang satu. Kepribadian masyarakat dalam Islam adalah kepribadian yang tersendiri, yang bersemboyan kesatuan yang kokoh. Oleh karena itu, kesatuan dalam iman dan amal adalah dasar dan semboyan bagi masyarakat menurut pandangan Islam.

KESIMPULAN

Dari contoh yang ditunjukkan di atas dapatlah disimpulkan sebagai berikut:

1. Sumber pimpinan Islam ialah Al-quran, Al-Sunnah dan Ijtihad.

2. Kepemimpinan dalam Islam adalah kepemimpinan yang didasarkan atas metode kenabian dalam rangka menciptakan kultur masyarakat madani memperoleh Ridha Illahi.
3. Konsep pimpinan dalam Islam, merangkumi semua tingkatan hidup bermula daripada negara membawa kepada masyarakat, dan rumahtangga.
4. Pimpinan di dalam Islam mengajak manusia kepada yang ma'aruf dan menegah yang mungkar.
5. Kepemimpinan dalam Islam merupakan Sunnatullah / ketetapan Allah SWT, yang telah menjadikan manusia sebagai pemimpin
6. Ajaran Islam hendaklah diresapkan bermula daripada ,individu seterusnya ke dalam keluarga seterusnya negara.
7. Pimpinan Islam pada setiap masa dan tempat hendaklah memahami dan mengetahui dasar ajaran Islam dan mengamalkannya terlebih dahulu.
8. Pengangkatan pemimpin dalam Islam harus memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Ulama di ataran keadilan. Pemimpin yang adil dan menjalankan tugasnya dengan patuh kepada ajaran dan petunjuk Allah swt, maka beliau akan mendapat perlindungan dari Allah pada hari di mana tidak ada perlindungan lain melainkan perlindungan Allah semata-mata.

RUJUKAN

- Abd Al-Aziz Kamal. (1993). *Islam dan Masalah Ras*. Jakarta: Lentera. cet. I, 103
- Abdur Rosyid. (2014). *Konsep Kepemimpinan dalam Islam* ([http:// menaraislam.com](http://menaraislam.com)).
- Abu 'Umar, Yūsuf bin Abd al-barr. *Al-Iati'āb fi Ma'arifah Al-Ashāb*. Cairo: Nahdhah Misr.
- Abu Dāūd, Sulaiman bin Al-Ash'ath. (1952). *Sunan Abi D Dāūd*. Cairo: Al-Bābi Al-Halabi.
- Al-Albānī, Nāsir Al-Dīn. (1992). *Al-Silsilah Al-Sahīhah*. Syria: Al-Maktab Al-Islāmī.
- Al-Asqlānī, Ibn Hajar. (1959). *Fath Al-Bārī bi Sharh Sahīh Al-Buhārī*. Cairo: Al-Bābi Al-Halabi.
- Al-Bukhāri, Muhammad Bin Ismā'īl. (1985). *Sahīh Al-Bukhāri*. Cairo: Maktabah Al-Sh'ab.
- Al-Mushili, Sayyid Muhammad Habib Al-Ubaidi. 2003. *Hablul I'tisham fi Wujub Al-Khilafah fi Din Al-Islam*, (Al-Mushili : Tanpa Penerbit)
- Az-Zuhaili, Wahbah. (1996). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu*. Damaskus : Darul Fikr.
- Dachnel Kamars. (2005). *Administrasi pendidikan*. Padang: Universitas putra Indonesia Press.
- Departemen Agama RI Semarang. *Al-Qur'an al-Karim dan terjemahannya*. T.th. PT. Toha Putera
- H. Hadari Nawawi. (2001). *Kepemimpinan Menurut Islam*. Yogyakarta: Gajah Mada Unuversiuity Press, 17
- H.M Arifin. (2003). *Kapita Selekta Pendidikan Islam*, (Jakarta, Bumi aksara)
- Hadari Nawawi. (2001). *Kepemimpinan Menurut Islam*, (Yogyakarta,Gajah Mada Unuversiuity Press)
- Hanbal, Ahmad bin Muhammad. (1968). *Musnad Al-Imām Ahmad*. Bairut: Dār Al-Fikr.
- Henry Pratt Fairchild.(1960). *Dictionary of Sociology and Related Sciences*. New Jersey: Littefield Adam & Co, Peterson.
- <http://arrahmah.com>
- <http://bela4lhaq.wordpress.com>
- <http://en.wikipedia.org>
- <http://hizbut-tahrir.or.id>
- <http://islamsyumul.blogspot.com>
- <http://khilafah1924.org>
- <http://penguruspusat.com>
- <http://swaramuslim.net>
- <http://makalah-ibnu.blogspot.com/2011/02/kemasyarakatan-dalam-islam.html>
- <http://muafakatmalaysia.com/2011/02/13/konsep-kepimpinan-dalam-islam/>
- Ibn Mājah, Muhammad bin Yazīd. (1972). *Sunan Ibn Mājah*. Cairo: Al-Bābi Al-Halabi.
- Kaelany HD,M.A. (2000). *Islam dan Aspek-aspek Kemasyarakatan*. Jakarta: PT Bumi Aksara, 159-160
- Majid, Nurkolis. (2003). *Manajemen Berbasis Sekolah: Teori, Model dan Aplikasi*. Grasindo.

- Mohammad Hakiim B. Naseruddin. (2009). ciri-ciri-masyarakat-islam. <http://iqraaddin.blogspot.com>
- Muhammad Ahmad, Al-Buraey. (1985). Islam Landasan Alternative Administrasi Pembangunan. Jakarta: CV Rajawali.
- Muslim, Muslim bin Al-Hajjāj. (1955). *Sahīh Muslim*. Cairo: Dār Ihyā Al-Kutub Al-Arabiyyah.
- Mohammad Thalib (Penerjemah). (2000). MUSLIMIN DI INDONESIA 1980 – 2000. Cetakan V. : Yogyakarta : Penerbit Wihdah Press.
- Munawwir, EK. Imam. (2004). Asas-Asas Kepemimpinan Dalam Islam. Surabaya : Usaha Nasional. Veithzal Rivai. Kiat Kepemimpinan dalam Abat-21, Jakarta: Murai Kencana, 72
- Omar Hossino. (2006). Classical Islamic Views on Human Nature, Political Authority and International Relations.
- Sidi Gazalba. (1976). Masyarakat Islam Pengantar Sosiologi dan Sosiografi. Jakarta: Bulan Bintang, 126
- Tolonglah Agama Allah Jilid 1. Jakarta: Yayasan Al Mu'min. <http://www.isroatifillah.com>
- Wursanto. (2003). Dasar-dasar Ilmu Organisasi. Yogyakarta: Penerbit Wihdah Press, 169